



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**15 APRIL 2021 (KHAMIS)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**15 APRIL 2021 (KHAMIS)**

# KPDNHEP akui harga ayam meningkat



Alexander (kiri) meninjau kepatuhan SOP peniaga di bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya.

Gesa pengguna buat aduan sekiranya mendapat harga ayam naik mendadak

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

PUTRAJAYA

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-

HEP) mengakui berlakunya peningkatan kenaikan harga ayam di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bagaimanapun berkata, kenaikan itu bukanlah seperti dilaporkan orang ramai yang mengatakan harga naik mendadak.

"Ada naik sedikit tapi masih dalam paras (kawalan)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ops Pantau di bazar Ramadan Presint 3 di sini pada Rabu.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan harga ayam segar

di beberapa negeri menunjukkan kenaikan antara 50 sen hingga RM1 menjelang Ramadhan.

Tinjauan di Pasar Awam Sungai Besar, Selangor mendapat harga ayam naik kepada RM9 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sebulan lalu.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, pihaknya juga memohon agar orang ramai membuat aduan sekiranya berlakunya kenaikan harga barang.

Beliau berkata, pihaknya akan mengarahkan penguat kuasa untuk turun padang sekiranya ada aduan dibuat oleh orang ramai.

"Tapi mereka tak kesan sebegini rupa (kenaikan mendadak). Ada kenaikan dalam RM1 tapi masih dalam lingkungan (paras kawalan)," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai prosedur operasi standard (SOP), Alexander menegaskan, beliau kurang berpuas hati terhadap tahap kepatuhan pengunjung dan peniaga bazar Ramadan di Presint 3.

"Saya baru sampai sini tapi nampaknya ramai orang dah sesak dan yang berdiri tunggu giliran masuk juga sesak macam tak berapa ada SOP," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai dan pengunjung yang mengunjungi bazar Ramadan mematuhi SOP.

"Kita nasihatkan patuh kepada SOP. Kita tak nak jadi kluster kes baru," tegasnya.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 15/4/2021  
M/SURAT : 1





# 'Kami tidak ada pilihan'

*Peniaga naikkan harga ayam sehingga RM1.50 setiap kg kerana pembekal letak harga tinggi*

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**H**arga ayam naik mendadak dan dikenakan sehingga RM1.50 bagi setiap kilogram (kg) berbanding sebelum Ramadan.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Besar Awam Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini semalam mendapati harga ayam RM9.50 per kg berbanding RM8 per kg sebelum Ramadan.

Seorang peniaga ayam

yang enggan dikenali berkata, kenaikan mendadak itu berikutan pembekal meletakkan harga tinggi menyebabkan peniaga tiada pilihan selain menaikkan harga.

"Kita ada tanya pemborong kenapa harga ayam mahal, mereka mendakwa memperoleh harga ayam lebih tinggi daripada pihak pembekal dari ladang ayam setiap kali menjelang muhibah perayaan."

"Jadi kami peniaga tiada pilihan selain terpaksa menaikkan harga," katanya.

Pendapat sama turut dikongsikan peniaga ayam di Pa-

sar Borong Lama Selayang dikenali sebagai Samsuri berusia 60-an yang mendakwa kenaikan harga ayam hanya menguntungkan orang tengah saja.

"Kami peniaga hanya untung 20 hingga 30 sen saja, nak jual mahal-mahal kami fikir juga kasihan kepada pembeli kerana semua orang dalam keadaan susah sekarang," katanya yang sudah berniaga ayam lebih 20 tahun.

Menurut peniaga berkenaan, dia menjual ayam pada RM8.30 sekilogram dan mengakui berlaku peningkatan mendadak ber-

kutan sebelum Ramadan hanya RM7.10 sekilogram.

"Memang jawapan yang kami terima daripada pemborong, pihak pembekal menaikkan harga menyebabkan semua rantaian perniagaan ayam ini tidak mempunyai pilihan perlu menaikkan harga demi mendapat sedikit keuntungan."

"Kami untung tidaklah banyak berbanding pembekal yang kaya raya, kami berharap sangat kerajaan dapat memantau dan menyelesaikan isu ini sebelum Aidilfitri," katanya, semalam.

## *Harga ayam, sawi naik mendadak*

**Arau:** Ketibaan Ramadan tahun ini 'disambut' dengan kenaikan mendadak harga ayam segar dan sawi di negeri ini.

Tinjauan di Pasar Besar Arau mendapati harga ayam segar yang dijual mencecah RM8.20 sekilogram berbanding RM7.49 sekilogram minggu lalu manakala harga sawi yang lazimnya dijual sekitar RM6 sekilogram naik sebanyak RM2.

Peniaga ayam, Ku Rosniza Ku Desa, 40, berkata, kenaikan harga ayam terutama pada Ramadan adalah sesuatu yang sukar dijangka-kan.

"Harga ayam memang susah nak jangka kerana ia akan sentiasa naik mungkin disebabkan harganya dedak naik.

"Tambahnya pula musim perayaan atau Ramadan ke-naikan pasti berlaku, bangan minggu lalu harganya sekitar RM7.50, tetapi boleh meningkat sehingga RM8," katanya.

Peniaga sayur, Marjita Othman, 40, berkata, harga sawi naik kerana harga pem-

borong sayuran di Cameron Highlands meningkat.

"Saya terpaksa beralih mengambil stok sayuran dari Thailand. Sekarang harga satu bakul atau sekitar 10 kilogram sayuran dari Cameron Highlands mencecah sehingga RM90.

"Sedangkan stok sama dari Thailand hanya sekitar RM50 maka saya terpaksa memilih stok sayuran dari Thailand kerana agak murah," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Perlis, Norazah Jaapar berkata, pemeriksaan di 54 pasar basah, tiga pasar raya dan 72 kedai runcit di negeri ini mendapati bekalan keperluan asas barang basah iaitu ikan, ayam, daging, sayuran serta barang kering mencukupi.

"Bagaimanapun, terdapat peningkatan harga bagi ayam segar (standard) iaitu dari RM7.70 sekilogram kepada RM8.50 (kenaikan 6.25 peratus)," katanya.



KU Rosniza turut terkesan dengan kenaikan tidak menentu harga ayam segar yang dijualnya di Pasar Besar Arau.

## *Kurang bekalan punca daging mahal*

**Kuala Terengganu:** Kekurangan bekalan dikatakan punca harga daging dan ayam segar di negeri ini naik mendadak menjelang Ramadan.

Tinjauan di beberapa pasar basah sekitar bandar raya ini mendapati daging segar dijual sekitar RM30 hingga RM32 sekilogram (kg) berbanding sebelum ini, sekitar RM28 kg.

Bagi ayam segar pula, harga bagi sekilogram ialah RM9 berbanding RM8.50 yang dijual seminggu sebelum Ramadan.

Ada peniaga mendakwa, kenaikan harga ayam akan terus berlaku sehingga mencecah sekitar RM9.50 hingga RM10 sekilogram.

Peniaga daging, Yusof Ab-

dullah, 62, berkata, kenaikan harga daging berlaku sejak sebulan lalu apabila peniaga terpaksa menjual pada harga RM30 hingga RM32 sekilogram berikutan bekalan bahan mentah itu dikatakan berkurangan.

“Bekalan daging kini kurang kerana kebanyakannya penternak lembu lebih gemar menjual haiwan berkenaan kepada pembeli negeri lain seperti Kuala Lumpur dan Johor Bharu berikutan harga yang ditawarkan tinggi berbanding pembeli tempatan.

“Kemungkinan kenaikan harga daging akan berlaku sepanjang

Ramadan sehingga menjelang Hari Raya kerana permintaan menjelang ketika itu tinggi sedangkan bekalan daging kurang,” katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga, semalam.

Yusof berkata, walaupun daging segar agak mahal, ia tetap mendapat sambutan dan menjadi pilihan umat Islam.

Bagi peniaga ayam, Hafizi Mohamad, 25, meridakwa kenaikan harga ayam berlaku berikutan faktor sama seperti daging segar, kekurangan bekalan.

“Tahun ini harga ayam agak pelik sedikit sebab baharu dua ha-

ri berpuasa harga ayam naik sehingga 50 sen setiap sekilogram sejak seminggu sebelum Ramadan.

“Saya dimaklumkan esok (hari ini) harga ayam mencecah antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram dan harga dijangka terus meningkat sehingga menjelang Aidilfitri,” katanya.

Hafizi berkata, sudah menjadi kebiasaan harga ayam dan daging naik setiap kali menjelang Ramadan, kecuali tahun lalu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, menurutnya, tahun ini agak pelik kerana berlaku kenaikan secara mendadak dan peniaga bukan sengaja mahu menaikkan harga.

**Daging  
segar tetap mendapat  
sambutan dan menjadi  
pilihan umat Islam**

Kenaikan disumbang pelbagai faktor antaranya permintaan diterima tinggi

## Harga ayam, sotong dan sawi naik

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

**ARAU** – Harga barang basah seperti ayam segar, sotong dan sawi didapati mengalami kenaikan menjelang Ramadan dengan harga ayam segar naik empat kali sejak awal bulan ini.

Tinjauan ke Pasar Besar Arau di sini semalam mendapati ayam segar dijual pada harga RM8.20 sekilogram berbanding RM7.90 pada bulan lalu.

Sotong bersaiz sederhana pula dijual pada harga RM25 sekilogram berbanding RM20 sekilogram kira-kira seminggu lalu.

Bagi sayur sawi, rata-rata peninga memilih untuk menjual sawi dari Thailand berbanding Cameron Highlands yang harganya meningkat mendadak.

Seorang peniaga ayam, Ku Rusmiza Ku Desa, 40, berkata, harga ayam naik secara berperingkat sehanyak RM1.20 berbanding awal bulan ini.

Katanya, kenaikan harga itu menyebabkan dia tidak mempunyai pilihan untuk menaikkan harga ayam, tetapi masih mengikut kira seminggu lalu.

"Harga ayam pada Ramadan tahun ini meningkat sedikit berbanding Ramadan tahun lalu yang mana berharga sekitar RM7



MARZITA menyusun sayur sawi dari Thailand yang dijual di gerainya.

sekilogram.

"Memang ada juga peniaga makanan yang merungut dengan kenaikan harga ayam ini tetapi mereka tiada pilihan dan terpaksa beli juga," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dia tidak menolak kemungkinan harga ayam naik disebabkan kenaikan harga dedak.

Sementara itu, peniaga sayur, Marzita Othman, 40, berkata, harga sawi Cameron Highlands meningkat sehingga 900 peratus sejak awal tahun lalu iaitu dari-

pada RM10 sebakul atau kira-kira 10 kilogram (kg) kepada RM90 sebakul ketika ini.

"Disebabkan harga yang terlalu mahal, saya memilih untuk mengambil sawi dari Thailand yang berharga RM50 untuk 10 kilogram," ujarnya.

Dalam pada itu, peniaga ikan dan makanan laut, Rizal Ali, 48, berkata, harga ikan agak stabil, cuma terdapat sedikit kenaikan harga bagi sotong bersaiz sederhana iaitu RM25 sekilogram berbanding RM20 sekilogram kira-



KU RUSMIZA menunjukkan resit harga ayam daripada pembekal kepada penguasa PPDNHEP Perlis di Pasar Besar Arau semalam.

kira seminggu lalu.

sehingga 40 peratus iaitu RM35 sekilogram daripada harga jualan standard RM25 sekilogram.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenaikan harga disebabkan berlakunya permintaan tinggi terhadap sayur sawi dan sotong dan terdapat kekurangan bekalan dari pengedar dan pembekal," katanya.

Jelasnya, peningkatan harga bagi ayam segar standard berpunca daripada peruncit yang memperoleh harga yang agak tinggi daripada pembekal.



**Watikah  
isytihar  
merdeka hanya  
salinan »8**

## Pengguna terus dibuli peniaga

Oleh AHMAD  
FADHLULLAH ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sikap pengguna yang tidak tahu mempertahankan hak menyebabkan mereka terus ‘dibuli’ pihak-pihak berkepentingan dalam rangkaian peruncitan yang menaikkan harga barang sesuka hati teru-

tamanya setiap kali menjelang musim perayaan termasuk Ramadan.

Akta khas yang ada bagi melindungi hak pengguna pula ibarat ‘hiasan’ selain penguatan kuasaan didakwa lemah dan hanya bertugas ikut musim atau apabila ada aduan.

**Bersambung di muka 5**

# Pengguna terus dibuli peniaga

Dari muka 1

Kelemahan mengawal harga barang diakui beberapa persatuan pengguna yang menyifatkan ia berlaku atas dua faktor utama iaitu rakyat sendiri yang tidak peduli untuk bertindak jika terbeli barang dengan harga mahal manakala penguat kuasa pula gagal mengawal harga setiap kali menjelang musim perayaan dan Ramadan.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, ketika dunia memasuki alaf baharu, rakyat masih di takuk lama dalam soal hak kepenggunaan.

Menurutnya, sikap itu menyebabkan mereka berterusan menjadi mangsa ‘buli’ oleh pemilik rangkaian peruncitan terutama membabitkan harga makanan dan barang asas.

“Kita yang enggan bertindak seperti membuat aduan kepada pihak berkuasa atau buka mulut bertanya kenapa harga naik, menyebabkan penjual ‘gembira’ menaikkan harga,” kata beliau ketika dihubungi.

Katanya, lebih ‘buruk’ jika pengguna itu ‘terbeli’ barang

dengan harga tidak patut, mereka hanya bising dengan kawan-kawan sahaja.

“Perbuatan pengguna kategori ini tidak mengubah apa-apa kecuali lepas geram diri sendiri buat seketika,” jelasnya.

Walhal, Mohd. Yusof memberitahu, kuasa pengguna besar termasuk boleh memboikot barang yang dijual dengan harga tidak munasabah atau lebih berat penguat kuasa boleh tarik balik lesen bermiaga.

Kata beliau, sikap pengguna Malaysia berbeza berbanding penduduk di Barat yang ada kesedaran kepenggunaan tinggi.

“Peruncit atau penjual di negara-negara maju takut dengan pengguna atau pembeli. Pembeli atau pengguna adalah perlu nasi mereka, jadi peruncit atau pengguna di sana tidak berani naikkan harga,” katanya.

Selain itu, katanya, persatuan pengguna di United Kingdom dan Amerika Syarikat, tidak lagi membuat kempen menyedarkan rakyat mengenai hak pengguna sebaliknya mereka lebih fokus kepada aktiviti perbandingan produk bagi membantu pengguna membuat pilihan terbaik.



**...sebelum membeli,  
mereka kena buat  
perbandingan harga  
antara kedai-kedai.”**

**MOHD. YUSOF**

Jelas Mohd. Yusof, sebenarnya, Malaysia sudah cukup aktif dan saluran yang boleh membantu mempertahankan hak dan tanggungjawab pengguna.

Menurut beliau, pengguna negara hanya perlu mencontohi ketegasan pengguna negara-negara Barat dan dengan cara tersebut, mereka boleh melepaskan diri daripada terus dibuli pemilik rangkaian peruncitan.

“Pengguna perlu membuat aduan jika melihat ada kenaikan atau salah laku peniaga. Selain itu, sebelum membeli, mereka kena buat perbandingan harga antara kedai-kedai.

“Tindakan itu adalah kuasa dan hak pengguna. Jika semua

rakyat mengambil langkah ini, penjual takut,” katanya.

Bagaimanapun, Mohd. Yusof memberitahu, hal-hal harga naik ketika tekanan pandemik mungkin menyukarkan pengguna untuk memberi fokus kepada isu tersebut kerana mereka mungkin lebih tertekan untuk memfokuskan kepada cara untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam, Selangor (CASSA), Datuk Seri Prof. Dr. Jacob George berkata, pengguna dinasihat tidak membeli satu-satu barang dalam kuantiti banyak bagi mengelakkan kenaikan harga barang tersebut.

Menurut beliau, keadaan pandemik sekarang memberi kesukaran dari segi bekalan tidak mencukupi dan kekangan logistik yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga barang.

“Pembeli perlu bijak, jangan beli dalam kuantiti yang banyak. Apabila permintaan tinggi, maka boleh berlaku kenaikan lebih-lebih lagi dalam situasi Covid-19, bekalan tidak cukup, pergerakan logistik sukar dan kurang” katanya.

# Perkenal skim harga bulan Ramadan

Oleh JAMILIAH ABDULLAH  
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Persatuan Pengguna Kedah (Cake) mencadangkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memperkenalkan skim kawalan harga sepanjang Ramadan bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang yang melampau.

Setiausaha Kehormatnya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, kementerian itu perlu memandang serius perkara tersebut kerana masalah kenaikan harga barang terutama bahan mentah berlaku setiap kali Ramadan.

Menurutnya, Cake sudah lama mencadangkan perkara itu sebagai salah satu langkah mengatasi isu kenaikan harga pada setiap Ramadan.

"Pada setiap musim perayaan ada skim kawalan harga dan skim yang sama juga perlu diadakan pada Ramadan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini semalam mengenai harga barang di seluruh negara yang naik melonjak ketika umat Islam menjalani ibadat puasa.

Mohamad Yusrizal berkata, kenaikan harga barang tersebut mendatangkan kesan kepada pengguna termasuk peniaga apatah lagi dengan situasi ekonomi masing-masing yang masih terjejas akibat Covid-19.

"Tanpa skim kawalan harga ini, Cake percaya harga barang akan terus naik dan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak terlibat sukar dilaksana," katanya.

Tambahnya, hasil pemantauan Cake di Alor Setar kelmarin turut mendapati berlaku kenaikan harga barang yang ketara pada barang basah seperti ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran.

"Di Alor Setar, kita mendapati harga barang mentah utama seperti ikan, ayam dan daging naik daripada lapan hingga 10 peratus. Ikan kembung contohnya naik sehingga RM8 sekilogram sedangkan saya lihat stok ikan banyak.

"Cake menjangkakan harga ayam juga akan naik sehingga RM9.50 sekilogram jika harganya masih tidak dikawal dengan harga siling.

"Bagi orang Kedah kenaikan ini keterlaluan dan boleh membebankan golongan berpendapatan rendah," katanya.

**Minda  
Pengarang**  
NIZAM ABDUL HAMID



## Ayuh pengguna tunjukkan kuasa anda!

RAMAI yang mengeluh harga barang basah mencanak naik ketika ini. Itulah realiti setiap kali bulan Ramadan apabila barang keperluan harian seperti ayam, daging, ikan, sayur-sayuran naik begitu banyak antara RM2 hingga RM8 sekilogram.

Pelbagai alasan diberikan oleh peniaga punca kenaikan harga barang seperti kos pengeluaran meningkat termasuk harga dedak untuk ternakan mahal, faktor cuaca, nilai matawang rendah selain manipulasi orang tengah.

Kenaikan harga barang seperti rantaian. Jika daripada pemborong pun sudah mahal, bermakna harga runcit dan bazar Ramadan juga akan meningkat.

Memang hukum ekonominya begitu, jika ada barang yang mendapat permintaan tinggi, peniaga akan menaikkan harganya.

Harga barang hanya turun apabila peniaga berasa bimbang barang mereka tidak laku seperti yang berlaku dalam isu telur dari Malaysia ditolak oleh pihak berkuasa Singapura pada bulan lalu kerana pencemaran salmonela.

Kebimbangan orang ramai terhadap isu pencemaran bakteria itu menyebabkan harga telur turun antara dua hingga 11 sen sebiji.

Peniaga memang bergeliga kepada palanya, tahu bila untuk menurunkan harga dan menjual barang mereka dengan lebih mahal. Pandemik Covid-19 sejak tahun lalu menyaksikan peniaga mencari pelbagai strategi untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

Ada yang menjual murah, memberi diskau, menawarkan perkhidmatan penghantaran ke rumah dan bermiaga dalam talian.

Sebab itu dalam bulan Ramadan, harga barang keperluan agak tinggi berbanding hari biasa. Peniaga tahu, permintaan meningkat dan pengguna akan berbelanja lebih.

Pengguna pula boros ketika berbelanja kononnya mahukan sesuatu yang istimewa untuk berbuka selepas sehari berpuasa. Ketika mengunjungi bazar Ramadan, segalanya nampak sedap dan mahu dirasa.

Selagi pengguna tidak mengubah selera membeli, harga barang akan terus tinggi. Pengguna sepatutnya sedar, mereka antara penentu harga barang di pasaran. Jangan harapkan kerajaan sahaja kerana bukan mudah untuk mengawal peniaga dan membuat pemantauan di seluruh negara.

Jadilah pengguna bijak, beli jika perlu, berbaloi untuk wang anda dan jangan lupa boikot peniaga yang mengambil kesempatan.

**Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 15/4/2021  
M/SURAT : 2

**RINGKAS**

**Perlu jelaskan caj air kosong tinggi**

**Kuantan** Sebanyak 20 notis dikeluarkan terhadap peniaga premis makanan dan minuman dalam Op Catut 8.0 Air Kosong di negeri ini sejak 1 Januari hingga 31 Mac lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Datuk Mark Ujin berkata, berdasarkan pemeriksaan, caj air kosong yang dikenakan kepada pelanggan antara 10 hingga 50 sen.

Katanya, peniaga yang menerima notis itu diberi tempoh masa selama dua hingga lima hari bekerja untuk memberikan maklumat berkaitan caj terbabit.

"Antara alasan yang diberikan peniaga mengenakan caj air kosong pada harga itu terhadap pelanggan ialah kos elektrik," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, semalam.

Bermula 7 April hingga hari ini, beliau berkata, Bahagian Penguatkuasaan kementerian itu mengadakan Op Catut 8.0 Air Kosong di seluruh negeri itu.

Katanya, operasi itu lebih kepada pemeriksaan bukan sahaja harga air kosong tetapi harga Nescafe tarik dan teh tarik.

"Kita menyasarkan pelbagai kategori premis antaranya restoran mewah, restoran makanan segera, restoran francals, kedai makan dan warung," katanya.

## Premis sarung tangan getah 'reject' diserbu



Antara guni berisi sarung tangan reject dan sarung tangan getah sekrap yang ditemui dalam premis diserbu LGM bersama KPDNHEP dan polis Selangor, Isnin lalu.

**Kuala Lumpur:** Tidak sampai tiga bulan membeli dan menjual sarung tangan getah 'reject' tanpa permit sah, kegiatan di premis kilang di Seksyen 26, Shah Alam, dihidiu pihak berkuasa.

Premis itu diserbu Lembaga Getah Malaysia (LGM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan polis.

LGM dalam kenyataan, memaklumkan dalam serbuan kira-kira jam 12.15 tengah hari Isnin lalu, 55 unit guni jumbo berisi sarung tangan getah 'reject' dan sarung tangan getah sekrap dianggarkan seberat 30 tan, dirampas.

"Kita turut merampas pelbagai dokumen dan peralatan lain dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM250,000.

"Siasatan mendapati premis ini didapati menjalankan aktiviti membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah 'reject' dan sarung tangan getah sekrap sejak Februari lalu, tanpa permit sah daripada LGM," katanya.

Ketika serbuan, katanya, ada dua pekerja dan seorang pemilik di premis terbabit.

Peniaga berkenaan memasar kan sarung tangan getah 'reject' untuk pasaran tempatan.

"Siasatan dibuat mengikut Peraturan-Peraturan Lembaga Ge-

tah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014 di bawah Peraturan 22 (1)(b) yang mana hanya pemegang permit PST-G boleh membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah 'reject' dan sarung tangan getah sekrap.

"Jika disabitkan dengan kesalahan, syarikat boleh dikenakan denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam pada itu, katanya, sepanjang bulan Mac lalu, pasukan Penguatkuasaan LGM melakukan empat serbuan ke atas beberapa premis di Puchong, Kampung Baru dan Sepang, di Selangor serta Bentong, Pahang.

"Menerusi serbuan itu kita berjaya membongkar aktiviti jual beli sarung tangan getah yang tidak mengikut piawaian serta aktiviti penjualan tanpa lesen dan permit yang sah.

"Sebanyak 48 tan sarung tangan dirampas dengan anggaran nilai rampasan keseluruhan mencecah RM770,000," katanya.

Menurut kenyataan itu, LGM menitikberatkan kualiti sarung tangan getah keluaran tempatan memandangkan industri sarung tangan getah antara penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport barang getah negara.

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my

**Padang Besar**

Pelbagai barang kosmetik dan pewangi tiruan bernilai RM177,090 dirampas Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (Aksem) Negeri Perlis dalam serbuan ke atas sebuah kediaman di Rumah Perumahan Awam (RPA) Padang Besar Utara di sini, kelmarin.

Komander Aksem Perlis, Superintendant Azizan Saman berkata, serbuan dilakukan sekitar jam 1 tengah hari selepas anggotanya menahan seorang lelaki berusia 50-an di rumah berkenaan.

Katanya, serbuan dilakukan hasil maklumat dan risikan anggota selama seminggu ke atas rumah dijadikan transit untuk menyeludup barang kosmetik dan pewangi tiruan ke Thailand itu.

"Barangan kosmetik dan pewangi tiruan dirampas itu menggunakan beberapa jenama terkenal.

"Siasatan awal mendapati suspek menjalankan aktiviti itu sejak setahun lalu dan dipercayai mendapat bekalan dari Kuala Lumpur dan dibawa ke negeri ini dengan lori," katanya dalam sidang media di Pejabat Aksem Padang Besar di sini, kelmarin.

Katanya, barang dibawa masuk ke Thailand secara berperingkat sekiranya ada permintaan.

"Pengedaran barang ini ke Thailand dilakukan 'tentera semut' atau ejen yang turut membawa barang lain seperti keper-



AZIZAN (tengah) menunjukkan pelbagai barangan kosmetik dan pewangi tiruan yang dirampas.

## 'Tentera semut' kosmetik tiruan

*Rumah jadi transit sebelum ejen seludup alat solek, pewangi tidak tulen ke Thailand*



KOSMETIK dan pewangi tiruan dipasarkan mengikut harga barang tulen.

luan harian dan runcit yang sah bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Kosmetik dan pewangi tiruan itu dipasarkan mengikut harga barang tulen antara RM300 hingga RM400 sedangkan modal-

nya hanya antara RM60 hingga RM80," katanya.

Beliau berkata, semua barangan kosmetik berkenaan juga tidak mempunyai kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Suspek diserahkan kepada KKM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Perlis untuk siasatan lanjut mengikut Akta Rancun 1952.

## Pewangi tiruan ke Thailand tumpas

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

**PADANG BESAR** – Taktik seorang lelaki menjadikan sebuah rumah di sini sebagai transit simpanan barang kosmetik tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM) serta pewangi tiruan sebelum diseludup ke Thailand sejak setahun lalu berjaya dibongkar Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem), kelmarin.

Komander Aksem Perlis, Deputi Superintendent Azizan Saman berkata, berdasarkan maklumat dan risikan, sepasukan anggotanya melakukan serbuan ke atas sebuah Rumah Perumahan Awam (RPA) di Padang Besar Utara kira-kira pukul 1 tengah hari.

Katanya, pemeriksaan menemui beberapa kotak berisi pelbagai jenama barang kosmetik dan pewangi jenama antarabangsa dipercayai tiruan bernilai RM177,090.

"Kita turut menahan seorang lelaki berusia dalam lingkungan 50-an yang berada di rumah berkenaan," katanya pada sidang akhbar di Aksem Padang Besar di sini semalam.

Kata bellau, pewangi yang dirampas antaranya menggunakan jenama Hugo Boss, Chanel, Tommy Hilfiger dan Paris Hilton. "Siasatan awal mendapati suspek sejak setahun memperolehi bekalan dari Kuala Lumpur sebelum dibawa ke Perlis menggunakan lor." ujarnya.

Menurut beliau, barang

berkenaan dipercuryakan diseludup ke Thailand menggunakan 'tentera semut' bersama barang dagangan lain seperti makanan secara berperingkat sekiranya terdapat permintaan.

"Pengedaran barang ini ke Thailand akan dilakukan ejen yang akan membawa barang keperluan dan runcit yang sah bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Barangan seperti pewangi tiruan ini akan dijual di Thailand pada harga asal iaitu boleh mencapai antara RM300 hingga RM400 meskipun harga yang dijual di negara ini hanya antara RM60 hingga RM80," ujarnya.

Tambahnya, siasatan lanjut dilakukan mengikut Akta Racun 1952 bagi barang kosmetik tanpa kelulusan pihak berkuasa.




AZIZAN (tengah) menunjukkan pewangi tiruan yang dirampas dalam operasi sebuah rumah di RPA Padang Besar Utara, Padang Besar semalam.

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 15/4/2021  
M/SURAT : 1

	<b>New fuel prices</b> <i>April 15 – April 21</i>
<b>RON95</b>	<b>RM2.05</b> (unchanged)
<b>RON97</b>	<b>RM2.54</b> (unchanged)
<b>DIESEL</b>	<b>RM2.15</b> (unchanged)

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : **KHAMIS**  
TARIKH : **15/4/2021**  
M/SURAT : **16**

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM5.99	Telur Cred A RM9.99	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM5.90
	Daging Lembu Tempatan RM35	Ikan Kembung RM8.90	Bawang Besar Holland RM2.69	Kubis Bulat Tempatan RM2.50
	Daging Lembu Import RM25	Minyak Masak RM5.30	Bawang Putih RM4.88	Tepung Gandum RM2.19
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP